

Penghidap hemofilia

B/17 28/6/2011

MS 20

Amal langkah
berhati-hati
bantu
hindari
kecederaan



Oleh Shaidah Shafie
shasha@bharian.com.my

SEDIKIT luka terkena pisau ketika meraut pensel menyebabkan jari mengalami pendarahan berterusan selama lebih sejam pastinya mendatangkan keanehan kerana luka yang kecil dan sedikit itu pun boleh mengakibatkan pendarahan berlanjutan.

Pernahkah anda mengalami situasi pendarahan berlebihan ketika tangan luka akibat tertusuk tulang ikan ketika memasak di dapur? Sekiranya mengalami keadaan ini, mungkin anda penghidap hemofilia.

Hemofilia adalah gangguan pendarahan sepanjang hayat yang mencegah darah daripada membeku dengan betul. Penghidap hemofilia tidak cukup faktor pembeku, iaitu sejenis protein dalam darah yang mengawal pendarahan.

Berdasarkan laporan dikeluarkan World Federation Hemophilia (WFH) terhadap Tinjauan Global Tahunan 2009, ada 1,141 penghidap hemofilia di Malaysia dengan 968 adalah hemofilia A manakala selebihnya adalah hemofilia B.

Laporan tahun lalu, memperlihatkan peningkatan terhadap bilangan penghidap kedua-dua jenis hemofilia dengan hemofilia A bertambah sebanyak 40 penghidap, manakala hemofilia B menjadi 180 penghidap.

Meskipun penghidap hemofilia tidak boleh menyebarkan penyakit

ini kepada orang lain, tetapi langkah berjaga-jaga perlu diambil oleh orang sekeliling dan penghidap sendiri kerana ia membabitkan keadaan berkaitan kehilangan darah. Sekiranya penghidap luka, mereka tentunya berada dalam keadaan mencemaskan.

Timbalan pengarah Pusat Darah Negara, Datuk Dr Faraizah Abdul Karim, berkata masyarakat sekeliling tidak perlu risau sekiranya mengetahui mereka berada hampir dengan penghidap hemofilia kerana hemofilia ini tidak berjangkit.

Katanya, hemofilia penyakit yang tidak akan merebak kerana ia diwarisi daripada keturunan dan terjadi kerana beberapa faktor seperti kurangnya faktor pembekuan VIII (FVII), manakala hemofilia B pula berlaku kerana kurang faktor pembekuan IX (FIX).

"Kadar kritikal hemofilia yang dihadapi individu bergantung kepada jenis faktor pembeku yang tiada pada mereka. Kedua-dua jenis hemofilia ini tidak dapat dibandingkan kerana memiliki ciri yang sangat sama daripada aspek pola pewarisan gen," katanya pada majlis pelancaran rawatan rekombinan Hemofilia A dan B anjuran Pfizer (Malaysia) di Petaling Jaya, baru-baru ini.

Katanya, hemofilia boleh menyerang sesiapa saja berdasarkan faktor keturunan ibu bapa yang mungkin menghidap atau pembawa hemofilia yang diwarisi daripada

keluarga terdahulu.

"Hemofilia ini lebih banyak dikesan dihidap oleh lelaki kerana mereka hanya mempunyai satu kromosom saja, iaitu kromosom X sedangkan wanita pula lebih dominan sebagai pembawa.

"Bagaimanapun, wanita juga tidak terkecuali daripada menghidap hemofilia jika si ibu pembawa hemofilia dan bapa pula adalah penghidap hemofilia," katanya.

Beliau berkata, antara cara hemofilia ditangani adalah dengan mengganti atau menambah faktor anti hemofilia yang kurang pada pesakit.

"Lazimnya bahagian anggota badan penghidap hemofilia yang paling mudah dikesan mengalami pendarahan adalah pada bawah lengan, sendi terutama lutut, pergelangan kaki dan siku selain pendarahan otak.

Faktor antihemofilia (rekombinan) yang dinyatakan adalah sejenis ubat yang perlu disuntik bagi mengawal serta mencegah kejadian pendarahan ketika pembedahan di kalangan pesakit hemofilia A manakala faktor koagulasi IX (rekombinan) ialah ubat yang boleh disuntik untuk mengawal dan mencegah pendarahan serta pengurusan pembedahan pesakit dewasa serta pediatrik pesakit hemofilia B.

Bagi Mohd Nazri Abdul Kadir, 47, memiliki anak yang menghidap hemofilia pada usia kanak-kanak tidak menghalang beliau untuk melihat anak membesar dengan normal seperti kanak-kanak lain walaupun pergerakan si anak perlu dipantau setiap masa kerana risau sekiranya mengalami luka atau lebam.



►► Mohd Nazri (kiri) bersama anaknya Nabil Firdaus yang menghidap hemofilia.



►► Dr Faraizah (kiri) bersama Dr Gene Lee (tengah) dan Angel Choi merasmikan produk 'Xyntha & BeneFix' di Hilton, Petaling Jaya.



Tip hemofilia:

- Sekiranya anda dikesan menghidap hemofilia, berhati-hati apabila berurusan dengan benda tajam seperti pisau, gunting mahupun mesin elektronik.
- Jika luka dan mengalami pendarahan, cuci bahagian luka dan cuba hentikan pendarahan dengan membalut bahagian berkenaan dengan kemas.
- Jika pendarahan teruk berlaku, segera dapatkan pertolongan cemas di klinik atau hospital berdekatan.
- Jika individu aktif bersukan, pilih olahraga yang tidak mendatangkan mudarat kepada badan anda.
- Elakkan terjatuh atau luka ketika melakukan kegiatan bersukan.

"Nabil Firdaus, 11, dikesan menghidap hemofilia pada usia dua tahun. Ketika itu kami menghantar Nabil ke rumah pengasuh dan dia tidak boleh berjalan seperti kanak-kanak lain walaupun baru saja pandai berjalan.

"Kami gagagak Nabil mungkin terjatuh dan mengalami kecederaan pada tulang kaki. Untuk mengesahkan tanggapan kami, Nabil dihantar ke hospital, tapi sebaliknya mendapati dia menghidap hemofilia selepas ujian darah dilakukan," katanya ketika ditemui pada majlis sama.

Sebagai bapa, Nazri memberi sepeh sokongan kepada Nabil untuk menjalani kehidupan seperti kanak-kanak lain bermain bola dan aktif di padang mahupun di bilik darjah, namun dalam keadaan berhati-hati.

"Saya membuat carian dan mendapatkan sebanyak mungkin maklumat daripada internet untuk membantu Nabil mengalami gaya hidup sihat dan apakah yang perlu dilakukan jika mengalami kecederaan ketika bermain.

"Sebelum Nabil keluar bermain atau bersukan, saya akan memastikan dia menyuntik ubat sebagai persediaan sekiranya luka atau mengalami lebam pada anggota badan, mengelak kesan lebih buruk berlaku," katanya.

Katanya, kebanyakan rakan di sekolah mengetahui anaknya menghidap hemofilia dan mereka sentiasa berhati-hati serta mengelak bermain lasak dengan Nabil kerana tidak mahu beliau cedera.